

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 30 MAC 2016 [RABU]

SOALAN : 23

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah peranan Kementerian bagi menapis serangan, tohmahan serta fitnah terutamanya di laman sosial yang semakin berleluasa terhadap kepimpinan Kerajaan pada masa kini yang jelasnya lebih banyak mendatangkan kemudaratan kepada negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bersama Jabatan dan Agensi di bawahnya memandang serius terhadap penularan penyalahgunaan internet terutama fitnah dan propanganda jahat di media sosial.

SOALAN NO: 23

Malah kegiatan seumpama ini disifatkan sebagai **Persepsi Terorisme (Terrorism Perception)** yang hanya bertujuan memecahbelahkan perpaduan, menggugat kestabilan politik dan ekonomi seterusnya meruntuhkan nilai-nilai murni serta keyakinan rakyat.

KKMM bersama-sama Jabatan/Agensi dan juga dengan kerjasama Kementerian dan Jabatan lain yang berkaitan mempunyai mekanisme yang strategik dalam memantau dan mencegah kegiatan persepsi terorisme ini melalui pelbagai cara termasuk program-program advokasi dan tindakan undang-undang.